

Percepat NETR elak krisis geopolitik bebankan pengguna elektrik

• Kerajaan perlu perkenal inisiatif skim pemasangan solar fotovoltaik (PV) 'off-grid' dengan pengguna residensi dapat memasang 100 peratus kapasiti bagi kegunaan sendiri

• Kerajaan disaran laksanakan pembaharuan dari segi tarif berkaitan meter masa penggunaan (TOU) yang sudah ketinggalan bagi pengguna komersial dan industri

Oleh Dr Mohamad Fani Sulaima
bhrencana@bh.com.my

Serangan balas Iran ke atas Israel memberi kesan terhadap harga minyak mentah dunia apabila menunjukkan kenaikan antara 0.4 hingga 0.5 peratus dan dijangka menembusi AS\$100 satu tong jika ketegangan ini masih tidak reda masa terdekat.

Syarikat minyak mendapat manfaat daripada kenaikan ini, tetapi pengguna sebaliknya apabila menerima beban kenaikan kos bahan api atau tenaga seperti kos penggunaan elektrik.

Bagi negara yang menggunakan kaedah pasaran terbuka untuk pengguna elektrik, kesan langsung kenaikan akan meningkatkan kos bil utiliti serta-merta.

Di negara ini, pasaran tenaga elektrik masih menggunakan sistem pembeli tunggal dengan hanya satu pembeli tenaga elektrik memonopoli grid sistem kuasa.

Sistem ini mempunyai banyak pembekal daripada entiti penjanaan tenaga elektrik akan saling bersaing membida harga terbaik untuk mendapatkan tempat bagi membekalkan tenaga elektrik ke sistem grid kuasa.

Cara ini diperkenalkan di bawah Skim Susunan Penghantaran Baharu Dipertingkatkan (NEDA) pada 2015 dan diamalkan hingga sekarang. Kenaikan harga minyak mentah dunia, gas dan arang batu memberi kesan langsung kepada harga bidaan serta harga asas *system marginal price* (harga rujukan oleh sistem grid dan pengendali pembeli tunggal).

Justeru, jika kenaikan ini berlaku dalam tempoh panjang, kesan langsungnya membawa kepada kenaikan tarif asas Ketidakseimbangan Pelepasan Kos Bahan Api (ICPT).

Antara enam bulan ke hadapan, pasti penilaian kepada harga asas ICPT ini dilihat berlaku tekanan dalam ruang lingkup model pembeli tunggal.

Menurut kenyataan Tenaga Nasional Berhad (TNB), kerajaan sejak 2015 memberikan subsidi RM22.8 bilion dengan tanggungan terbaharu pada 2024 ialah RM1.4 bilion dalam tempoh enam bulan pertama.

Dalam nada berbeza, pengguna elektrik besar contoh, kilang asas bahan mentah makanan seperti ayam, tepung dan lain-lain akan menghadapi kenaikan kos operasi selaras kenaikan tarif ICPT.

Ia memberi impak besar kepada kos pengeluaran, di samping kenaikan kos bahan api untuk logistik. Ini boleh dianggap 'sudah jatuh ditimpa tangga' dengan bebanan demi bebanan akan kembali juga kepada pengguna jika proses rantaian pembekalan elektrik negara tidak segera ditambah baik.

Langkah kerajaan memperkenalkan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) tahun lalu sebagai antara rujukan utama dalam membina semula kaedah pengurusan tenaga mampan negara harus dipuji.

Negara menyasarkan 70 peratus penggunaan sumber boleh diperbaharui sebagai gantian sumber bahan fosil untuk menjana tenaga elektrik pada 2050 dengan kerancakan ekonomi dan peluang pekerjaan meningkat.

Sejauh mana pelaksanaannya mampu dibuat

sepantas mungkin. Kefahaman mendalam kepada lengkok geopolitik dunia dan tindakan mengikut cara tempatan betul dalam pelaksanaan amat penting.

Namun, mencari formula terbaik mengurangkan kebergantungan bahan api konvensional kepada sumber boleh diperbaharui bukan semudah disangka.

Banyak halangan dan rintangan, tetapi prasyarat utama ialah rakyat perlu sedar dan bersama merealisasikan matlamat ini. Cuba bayangkan kesan perang apapun selepas ini, beban pengguna di negara ini akan kurang terjejas jika pelaksanaan NETR berjaya.

Oleh itu, setelah kesan langsung peperangan dan konflik dunia, tindakan pantas dalam pelaksanaan membantu rakyat harus dititikberatkan dan memerlukan kerjasama semua pihak.

Cadangan segerakan NETR

Justeru, penulis mencadangkan beberapa langkah segera untuk mempercepatkan impak NETR seterusnya memberi kesan kepada kestabilan pasaran tenaga elektrik, sekali gus membawa kelestarian kehidupan kepada rakyat.

Pertama, kerajaan disaran memperkenalkan inisiatif skim pemasangan solar fotovoltaik (PV) *off-grid* dengan pengguna residensi dapat memasang 100 peratus kapasiti bagi kegunaan sendiri.

Jika pengguna dapat menjalankan aktiviti kecekapan tenaga, lebih janaan daripada sumber boleh diperbaharui dibenarkan untuk dijual kepada tetangga dalam kalangan keluarga berpendapatan rendah melalui sistem pengeluar swaguna kepada pengeluar swaguna (P2P).

TNB dalam hal ini boleh menjadi pemudah cara dengan memberi perkhidmatan kepada sistem P2P melalui rangkaian meter pintar sedia ada. Dengan ini, tarif lebih berpatutan dapat diberikan kepada golongan keluarga berpendapatan rendah.

Inisiatif tarif kadar sama rata menggantikan tarif kumpulan tetap sedia ada juga dapat dilaksanakan. Ini adalah buah daripada apa kita panggil 'grid mikro pintar' dengan meraikan semua pihak berkepentingan dalam masa sama dapat membantu golongan susah.

Kedua, pemusatan rantaian perusahaan menghasilkan peralatan berkaitan pemasangan sistem

solar PV dan bateri penyimpanan oleh perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Jika tidak mampu bersaing dalam pembuatan panel solar secara besar, kerajaan melalui inisiatif berstrategi perlu menggalakkan syarikat PKS menghasilkan alatan sokongan seperti inverter, kabel dan sistem kawalan secara berpusat. Pilihlah negeri berkelayakan untuk hab teknologi ini dibangunkan.

Dengan cara ini, ekonomi setempat dapat dibangunkan dan bekalan perolehan teknologi tempatan mudah diperolehi dengan kos lebih efektif. Jika kadar kos pemasangan penjanaan daripada sumber boleh diperbaharui ini dapat dikurangkan, ramai pengguna mampu memasang sistem janaan solar PV dan menyertai skim P2P.

Ketiga, pelaksanaan pembaharuan dari segi tarif berkaitan meter masa penggunaan (TOU) yang sudah ketinggalan bagi pengguna komersial dan industri. Tarif TOU perlu ditambah baik dan lebih berfokus kepada jenis pengelasan pengguna. Contoh tarif TOU sedia ada bagi kategori voltan medium industri jenis E2 atau komersil C2 diguna pakai semua jenis operasi.

Dalam keadaan ini, tidak ramai pengguna memperoleh manfaat dan memberi maklum balas untuk melakukan penukaran beban pada waktu puncak ke luar puncak disebabkan kekangan pada waktu operasi atau penjadualan pekerja. Tarif TOU juga sehingga kini tidak diperkenalkan kepada pengguna residensi seperti ideanya selepas pemasangan meter pintar.

Pengguna residensi masih tidak mempunyai pilihan untuk memilih jenis tarif bersesuaian bagi aktiviti seharian mereka. Justeru, penulis mohon kerajaan dan pihak pembekal tenaga seperti TNB untuk melihat serta melaksanakan tarif ini dengan segera supaya tahap peralihan tenaga negara seiring negara maju.

Kesimpulannya, perang Iran-Israel hanya satu keadaan tidak boleh melemahkan negara dalam menguruskan usaha meraih kestabilan pengurusan pembekalan tenaga elektrik lebih mampan, berdaya maju dan pintar.

Keadaan ini perlu menjadi batu loncatan supaya respons positif tetap berlaku kepada kerajaan dan rakyat untuk terus bersama menjayakan agenda peralihan tenaga negara.

